



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. **3** (88)

Tarikh: **23** Jun 2017

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2017

**PEMBEKALAN BUKU TEKS KEPADA GURU SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH
MENENGAH DI BAWAH SKIM PINJAMAN BUKU TEKS KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini memaklumkan pembekalan buku teks kepada guru sekolah rendah dan sekolah menengah melalui Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, KPM Bil. 17/2016 pada 4 November 2016 telah bersetuju dan meluluskan pembekalan buku teks secara percuma kepada guru sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

PELAKSANAAN

3. Semua guru sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) termasuk sekolah-sekolah yang terlibat dengan program khas KPM seperti Program Khas Pelaksanaan Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Sekolah Dalam Hospital dan Kolej Vokasional layak menerima bantuan di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) KPM. Pembekalan buku teks untuk guru sekolah rendah dan sekolah menengah adalah di bawah SPBT KPM. Pelaksanaan pembekalan buku teks adalah seperti yang berikut:

- 3.1 Pembekalan buku teks bagi setiap mata pelajaran kepada guru adalah mengikut ketetapan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nisbah Kelas Berbanding Buku Guru

Bilangan Kelas	Bilangan Naskhah
1 hingga 3 kelas	2 naskhah
4 hingga 6 kelas	3 naskhah
7 hingga 9 kelas	4 naskhah
10 ke atas	5 naskhah

Pembekalan hanya melibatkan Buku Terbitan Baharu (BTB) berdasarkan judul yang sama dipesan oleh sekolah untuk murid.

- 3.2 Pembekalan buku teks untuk guru di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) serta Program Pendidikan Inklusif di sekolah arus perdana adalah seperti yang berikut:
- satu naskhah bagi buku teks braille mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif bagi sekolah yang menawarkan program yang berkaitan; dan
 - dua naskhah bagi buku teks masalah pembelajaran, ketidakupayaan penglihatan dan ketidakupayaan pendengaran.

- 3.3 Buku teks Cetakan Semula (BCS) boleh diperolehi daripada Bilik Operasi SPBT Sekolah (BOSS) atau Bilik Operasi SPBT Daerah (BOSD) mengikut kuantiti seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 pada perkara 3.1.
- 3.4 Pembekalan buku teks untuk guru dilaksanakan bersama-sama pembekalan buku teks untuk murid.
- 3.5 Pembekalan buku teks untuk guru dibuat melalui panitia mata pelajaran masing-masing. Ketua Panitia bagi mata pelajaran perlu membuat pinjaman buku teks yang berkaitan pada awal tahun dan memulangkannya kepada pihak sekolah pada akhir tahun.

TARIKH KUAT KUASA

4. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)

Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia